

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | SPNB tingkat kualiti binaan melalui pengiktirafan QCLASSIC | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 26 Mar 2017 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 12 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 851 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 19,004 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 57,011 |



SPNB tingkat kualiti binaan melalui pengiktirafan QCLASSIC

Jenis rumah
Teres 1 tingkat

Unit ditawarkan
104

Keluasan tanah
20' X 65'

Harga bermula dari
RM136,500

Mukim: Semeling
Daerah: Sungai Petani
Negeri: Kedah
Keluasan Tapak:
10.07 ekar
Lokasi: Berdekatan
Universiti AIMST,
Bedong

Oleh **AQILAH MIOR**
KAMARULBAID
pengarang@lutusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 MAC**

PEMBINAAN projek perumahan Fasa 2A di Taman Universiti Jaya, Semeling, Kedah menerima pengiktirafan Sistem Penilaian Kualiti Hasil Kerja Binaan (QCLASSIC) dalam memastikan kerja binaan mencapai standard yang ditetapkan.

Projek perumahan tersebut telah melalui beberapa peringkat pemeriksaan bertujuan untuk meningkatkan standard industri pembinaan dan memberi jaminan kepada orang awam bahawa projek-projek pembinaan yang dijalankan menepati piawaian yang diukur melalui mutu kerja.

Berdasarkan penilaian QCLASSIC, kualiti pada pembinaan projek ini adalah di tahap terbaik dan seterusnya membuktikan SPNB Idaman Sdn. Bhd.

SISB memfokuskan pembangunan rumah mampu milik di atas tanah milik kerajaan negeri dan harga jualan produk-produknya dikawal supaya 60 peratus unit tidak melebihi RM250,000 dan baki 40 peratus tidak melebihi RM350,000.

(SISB) berjaya menjadi pemaju yang dipercayai serta setanding dengan pemaju-pemaju yang berdaya saing di pasaran. Melalui kejayaan dalam menyiapkan projek ini dengan berkesan, pembeli

dapat menikmati kediaman yang praktikal, moden dan ciri-ciri rekabentuk dalaman yang lebih baik dari produk yang serupa di pasaran antaranya adalah ketinggian siling sebanyak 12 kaki.

Antara keistimewaan lain adalah kediaman tersebut mempunyai rekabentuk *zero renovation cost* yang bercirikan *full flush* dan siling plaster penuh.

Antara kesan daripada kejayaan projek ini juga, masa menunggu pembeli dapat dikurangkan untuk mendapatkan kos pembiayaan dan mengurangkan kos faedah selama lima bulan.

Justeru, para pembeli dapat menikmati kehidupan yang aman damai dan tenang di kediaman sendiri.

Projek Taman Universiti Jaya merupakan program Rumah Idaman Rakyat (RIR) yang dikendalikan oleh anak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) iaitu SISB membangunkan pembangunan dengan harga jualan tidak melebihi RM350,000 di atas tanah-tanah yang dikurniakan oleh kerajaan negeri atau agensi-agensinya yang berkaitan di seluruh negara.

SISB memfokuskan pembangunan rumah mampu milik di atas tanah milik kerajaan negeri dan harga jualan produk-produknya dikawal supaya 60 peratus unit tidak melebihi RM250,000 dan baki 40 peratus tidak melebihi RM350,000.

Dalam pada itu, sebanyak 86 daripada 104 pemilik baharu di Tapak Fasa 2A di Taman Universiti Jaya, Semeling, Kedah mendapat 'rezeki

terpijak' apabila menerima kunci rumah masing-masing.

Lebih manis, kunci itu diserahkan tiga bulan lebih awal dari tarikh yang ditetapkan yang disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanapiyah. Turut hadir Pengerusi SPNB, Datuk Dr. Abd Latif Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali dan Ahli Lembaga Pengarah SPNB.

Projek Taman Universiti Jaya Fasa 2A melibatkan pembangunan 104 unit rumah teres setingkat kos sederhana yang berkeluasan 1,160 kaki persegi (kps) (20' X 65') dengan harga jualan bermula dari RM136,500 hingga RM264,198 seunit.

Projek ini merupakan kesinambungan daripada Fasa 1 yang telah siap dibina pada tahun 2007.

Projek ini berjaya disiapkan awal daripada yang dijadualkan pada bulan Jun 2017.



RUMAH mampu milik yang dibina SPNB melalui anak syarikat SISB bukan sahaja merealisasikan impian rakyat untuk memiliki kediaman malah dalam masa sama meringankan bebanan mereka melalui tawaran harga yang berpatutan.